

NO. SOALAN : 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ] - BEBAS**

**TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 29**

**YB Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang projek perumahan PR1MA :-**

- (a) Berapakah peratusan pencapaian setakat ini dengan sasaran yang ditetapkan dan berapa negeri masih belum melaksanakan projek ini. Apakah sebabnya; dan
  
- (b) berapa buah projek perumahan PRIMA telah dilaksanakan di Negeri Melaka, dan berapa buah lagi yang akan dapat dilaksanakan untuk tahun 2018.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya pada tahun 2017 PR1MA menetapkan sasaran jualan sebanyak 16,250 unit kediaman. Alhamdulillah pada ketika ini sebanyak 10,043 unit telah dijual iaitu 62% daripada sasaran tahunan. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa apabila lebih banyak projek PR1MA dibuka dan dilancarkan kelak.

Berkenaan perkembangan pembangunan PR1MA pula, sehingga kini Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 254,747 unit di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 22,514 unit telah diluluskan di Negeri Melaka. Kesemua projek-projek di Negeri Melaka tersebut sedang berada dalam pembinaan.

Selain itu, PR1MA juga sedang rancak melaksanakan pembangunannya di semua negeri seluruh Malaysia. Pada masa ini sebanyak 136,685 unit kediaman (131 projek) sedang dalam pembinaan. Selain Negeri Melaka, lokasi projek yang telah memulakan pembinaan adalah seperti berikut;

- 1) Johor = 11,997 unit;
- 2) Kedah = 13,090 unit;
- 3) Kelantan = 2,719 unit;
- 4) Negeri Sembilan = 8,326 unit;
- 5) Pahang = 8,631 unit;
- 6) Pulau Pinang = 11,720 unit;
- 7) Perak = 9,351 unit;
- 8) Perlis = 3,579;
- 9) Sabah = 17,402 unit;
- 10) Sarawak = 6,868 unit;
- 11) Selangor = 11,387 unit;
- 12) Terengganu = 2,784 unit; dan
- 13) Kuala Lumpur = 6,317 unit.

Daripada jumlah tersebut sehingga kini, sebanyak 8,475 unit kediaman telah siap dibina. Kediaman PR1MA yang telah siap dibina mengikut negeri adalah seperti berikut;

- 1) Kedah = 3,096 unit
- 2) Putrajaya = 560 unit
- 3) Kuala Lumpur = 2,074 unit
- 4) Johor = 676 unit
- 5) Perak = 2,069 unit

Insyallah PR1MA menjangkakan jumlah ini akan meningkat apabila lebih banyak projek yang sedang dalam pembinaan akan siap pada tahun ini.